

JAWAPAN

Unit
12

Etika dan Undang-undang Siber Membantu Pembentukan Jati Diri

Modul PBD

1. (a) Menggunakan bahasa yang sopan.
(b) Tidak memuat naik gambar atau komen yang tidak senonoh.
(c) Tidak berkongsi atau menyebarkan keburukan orang lain.
(d) Tidak menghina mencela, menyindir, mahupun melemparkan tuduhan yang tidak berasas kepada orang lain.
(e) Tidak menyebarkan maklumat yang belum pasti kesahihannya.
(f) Mematuhi akta undang-undang siber.
2. (a) Prinsip, tatacara moral, nilai-nilai murni seperti adab dan sopan santun.
(b) Komponen penting dalam undang-undang negara dan penting untuk memacu pembangunan ICT.
(c) Bertujuan untuk memberikan garis panduan dan mengawal selia penggunaan Internet.

Etika siber	Undang-undang siber
<ul style="list-style-type: none">• Garis panduan bagi pengguna siber.• Tiada hukuman dikenakan.• Dianggap tidak bermoral jika tidak mematuhi etika.	<ul style="list-style-type: none">• Peraturan untuk mengawal pengguna siber.• Dikenakan hukuman bagi yang melanggar peraturan.• Disebut sebagai penjenayah jika menyalahi undang-undang.

3. Situasi 1

Menjadi pengguna siber yang berhemah.

Situasi 2

Melakukan urus niaga dalam talian dengan selamat.

Situasi 3

Mewujudkan persekitaran siber yang selamat dan sihat.

Situasi 4

Memperoleh maklumat yang tepat.

4. Penggunaan Internet secara tidak beretika
 - (a) Menyebarluaskan maklumat tanpa mengetahui kesahihannya.
 - (b) Menceroboh masuk fail komputer orang lain.

- (c) Mengambil hasil intelektual orang lain untuk diri sendiri.
- (d) Menyebarluaskan fitnah dalam media sosial seperti facebook dan blog.
- (e) Mencetuskan konflik dalam masyarakat dengan mengemukakan kenyataan yang sensitif seperti agama, politik, dan sebagainya.

Kesan

- (a) Menyebabkan kerisauan, kemurungan, dan tekanan perasaan.
 - (b) Boleh didakwa kerana menceroboh sistem orang lain. Menjejaskan maruah diri, keluarga, dan negara.
 - (c) Isu hak cipta, boleh didakwa. Menjejaskan maruah diri, keluarga, dan negara.
 - (d) Menjatuhkan imej atau maruah orang lain.
 - (e) Menjejaskan perpaduan.
5. (a) Gembira kerana menggunakan media untuk aktiviti yang berfaedah.
 - (b) (i) Menggunakan alatan komputer dan semua peralatan dengan baik.
(ii) Menggunakan maklumat yang benar.
(iii) Tidak membuat penipuan semasa berkomunikasi.
 - (c) (i) Menimbulkan perselisihan faham dan pergaduhan.
(ii) Menjejaskan maruah diri dan keluarga.
(iii) Menjatuhkan imej dan maruah orang.
 - (d) (i) Melayari laman web lucu.
(ii) Menggunakan maklumat palsu untuk berurusan.
(iii) Mengubah suai gambar dan memberi maklumat palsu.

Power KBAT

1. Saya merasakan undang-undang siber memainkan peranan penting dalam memajukan industri multimedia. Orang ramai memerlukan keselesaan mengetahui bahawa urusan menerusi Internet adalah selamat. Mereka ingin mengetahui bahawa mereka yang melanggari undang-undang siber akan dikenakan hukuman. Saya merasakan dalam mendorong masyarakat luar untuk melabur membangunkan MSC, perlu ada jaminan bahawa mereka dilindungi oleh undang-undang.
2. (i) Kesediaan mangsa jenayah siber untuk mendakwa pihak yang melakukan kesalahan.
(ii) Masyarakat tidak tahu atau tidak sedar sama ada apa yang mereka lakukan adalah jenayah atau bukan.